

# 3 skim sokongan wang bantu hampir 1/2 juta di S'pura

Khusus bagi golongan yang kehilangan pekerjaan atau dipotong pendapatan akibat pandemik Covid-19

TIGA skim sokongan kewangan untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan atau dipotong pendapatan akibat pandemik Covid-19 telah membantu hampir setengah juta orang di Singapura.

Menteri Negara Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), Cik Sun Xueling berkata bahawa Dana Bantuan Sementara, Geran Sokongan Covid-19 dan Geran Pemulihan Covid-19 telah memanfaatkan sekitar 480,000 individu sehingga akhir tahun lepas.

Beliau berkata demikian semalam, yang juga merupakan Hari Kerja Sosial Sedunia, semasa persidangan Cabaran Dan Perancangan Pasca Pandemik untuk Perkhidmatan Sosial anjuran Pusat Penyelidikan Perkhidmatan Sosial Universiti Nasional Singapura.

Menyedari bahawa wabak itu lebih menjejaskan kumpulan yang lemah dan memerlukan, Cik Sun berkata langkah sokongan kewangan Covid-19 melengkapkan skim bantuan sebelum pandemik seperti bantuan kewangan ComCare kepada kumpulan itu.

Lebih ramai anggota masyarakat turut tampil menghulurkan bantuan, tambah beliau.

Cik Sun memberi contoh bagaimana Rangkaian Komuniti SG Cares – yang terdiri daripada pelbagai agensi awam, korporat dan masyarakat – mengunjungi 50,000 kelu-

arga yang tinggal di flat sewa sejak wabak itu bermula pada 2020 untuk mengambil berat dan memastikan kesejahteraan mereka.

Rangkaian itu telah menghubungkan kira-kira 5,000 keluarga kepada agensi untuk pelbagai jenis bantuan, kata Cik Sun.

“Pandemik telah mewujudkan jurang baru dan meningkatkan lagi keperluan sedia ada dalam masyarakat kita.

“Namun, ia telah mendorong penghasilan huraian baru bagi meleraikan cabaran ini dan merapatkan lagi hubungan sektor dan masyarakat,” jelas Cik Sun.

Ini sekali gus meningkatkan keperluan penyelidikan dan penilaian yang baik terhadap program untuk lebih memahami cabaran pasca pandemik dan cara menanganinya.

Menurut Cik Sun lagi, kementeriannya telah memberi komitmen dana sebanyak \$1.4 juta dalam tempoh tiga tahun kepada Pusat Penyelidikan Perkhidmatan Sosial untuk menyokong sektor perkhidmatan sosial dalam membina keupayaan ini.

Pusat tersebut serta MSF juga bekerjasama dalam kajian pesalah belia dan keluarga mereka untuk meneliti bagaimana masyarakat boleh memberikan lebih banyak sokongan kepada golongan itu serta keluarga mereka dalam proses pemulihan dan penyepaduan semula.